

Headline **Kaji semula hantar pelajar ke luar negara**  
Date **17. Apr 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **10**  
Section **Nasional** Article Size **245** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



# Kaji semula hantar pelajar ke luar negara

**H**ALAMAN Pendidikan akhbar ini semalam memaparkan berita penghantaran 100 lulusan matrikulasi melanjutkan pengajian di universiti berprestij di luar negara. Saban tahun kerajaan menghantar pelajar yang memperoleh keputusan terbaik dalam peperiksaan awam tempatan untuk mengikuti pengajian peringkat ijazah di luar negara.

Usaha ini membabitkan peruntukan kewangan yang sangat banyak dan menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti kejutan budaya dan sebagainya. Di samping itu, banyak lagi peruntukan yang perlu dikeluarkan untuk memastikan mereka menguasai bahasa negara tempat mereka dihantar belajar.

Malahan, kita terpaksa melanggar dasar bahasa kebangsaan kita sendiri dalam memastikan pelajar kita menguasai bahasa asing sebagai prasyarat sebelum mereka layak dihantar ke luar negara.

Persoalan yang ingin saya timbulkan ialah apakah program yang men-

jadi tradisi ini benar-benar perlu lagi pada masa kini? Dengan kewujudan puluhan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan ratusan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), langkah penghantaran pelajar ke luar negara ini patut dikaji semula.

Saya tidak dapat membayangkan begitu banyak wang yang dapat di jimatkan jika dasar belajar dalam negara ini boleh dilaksanakan. Jika kita masih memandang tinggi prestij universiti luar negara, kita masih boleh mengusahakan supaya cawangan mereka diwujudkan di negara ini.

Usaha ini banyak dilakukan terutama IPTS melalui sistem pengajian program berkembar, program dua campur satu dan sebagainya. Terbaru misalnya, Universiti Al Azhar juga bersetuju membuka cawangan di sini dengan jaminan kualiti dan prestasi tetap pada aras tertinggi, setanding yang belajar di kampus induk. Mungkin rakyat Malaysia tidak menyedari tidak semua pelajar yang dihantar ke Universiti Al Azhar, belajar di kampus induk itu sendiri.

Secara logiknya, jika sistem penilaian kita mengesahkan bahawa pelajar yang dihantar ke luar negara ini adalah yang terbaik, di manapun mereka melanjutkan pengajian, saya pasti pencapaian mereka tetap akan menunjukkan prestasi yang tinggi. Hal ini samalah dengan tradisi pemilihan pelajar terbaik untuk memasuki sekolah berasrama penuh dalam negara.

Setiap kali keputusan peperiksaan awam terutama Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan, dengan bangganya sekolah itu menggembar-gemburkan pencapaian mereka sehingga menimbulkan iri hati sekolah harian. Pelbagai langkah diambil untuk memastikan sekolah harian juga mencapai tahap yang setanding sekolah berasrama penuh. Ini tidak adil kerana pelajar yang terbaik sudah disalurkan ke sekolah berasrama penuh dan yang tinggal ialah pelajar yang berprestasi sederhana dan rendah.

Pihak sekolah dan guru terpaksa bertungkus-lumus memastikan pencapaian mereka tidak jauh ketingga-

lan. Lalu mereka terpaksa menerima tekanan dan berhadapan pelbagai masalah lain yang memberi kesan terhadap prestasi mereka sendiri.

Seperti berlaku di sekolah, saya melihat tradisi penghantaran pelajar terbaik ke luar negara ini juga memberi kesan kepada penarafan universiti tempatan. Oleh kerana yang terbaik dihantar ke luar negara, yang tinggal hanyalah pelajar yang sederhana pencapaiannya.

Secara tidak langsung, pencapaian universiti tempatan kekal pada takuk lama atau semakin menurun, sedangkan pada masa sama, universiti terkenal luar negara yang menerima pelajar terbaik kita, terus menguasai tempat teratas dalam penarafan itu. Jika di sekolah, guru yang tertekan tetapi di universiti, pensyarah pula yang tidak keruan dengan pelbagai dasar dan tekanan yang bertujuan meningkatkan taraf universiti tempatan pada mata dunia.

Saya menyarankan supaya kerajaan mengkaji semula dasar yang menjadi tradisi ini. Dulu memanglah

kita perlu menghantar pelajar kita ke luar negara kerana universiti tempatan tidak banyak dan jika adapun tidak banyak bidang pengajian yang ditawarkan. Tenaga pengajar di universiti juga banyak yang mendapat ilmu akademik dari pelbagai institusi terbaik luar negara. Dari semasa ke semasa, penghantaran pensyarah ke luar negara untuk menyambung pengajian peringkat sarjana atau doktor falsafah sentiasa dilakukan universiti tempatan. Mereka boleh mendatangkan impak berganda kepada generasi muda, tanpa perlu lagi menghantar pelajar ke luar negara.

Sudah sampai waktunya kita mengisytiharkan diri kita benar-benar merdeka dengan menghasilkan sendiri graduan berprestasi tinggi sebagai bukti bahawa sistem pendidikan kita adalah antara yang terbaik di dunia.

**DR SHARIFUDIN LUBIS,**  
*Fakulti Bahasa Moden  
dan Komunikasi,  
UPM Serdang, Selangor.*